

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 05 / 08 / 2007

Kukuhkan hubungan tangani kemiskinan - Dr. Mahathir

LANGKAWI 4 Ogos - Negara-negara Selatan mestilah mengukuhkan hubungan untuk menangani cabaran yang kian meningkat yang dihadapi oleh negara membangun, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad, pengasas Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang kini memasuki edisi kelapan esok.

Bercakap kepada Bernama dalam satu temubual baru-baru ini, bekas Perdana Menteri itu berkata, hubungan antara negara membangun ini hendaklah dipertingkatkan, sambil menambah LID ialah satu landasan yang ideal untuk "memperbaharui janji mereka".

"Saya fikir LID akan membantu. Kerajaan menyokongnya dan mereka mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk mengadakan ini," kata beliau.

Dr. Mahathir, yang juga presiden Yayasan Kepimpinan Perdana, telah mengesahkan kehadirannya pada persidangan tersebut yang berlangsung dari 5 hingga 8 Ogos di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort di sini.

Bagaimanapun, pemimpin yang lantang bersuara itu, yang menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun dan meletakkan jawatan pada 2003, tidak akan membentangkan kertas kerja pada LID 2007.

Setelah bersara, Dr. Mahathir menghadiri LID pada 2004 sebagai anggota biasa.

- Bernama